

10/05/2001

Zainol kekal sebagai Exco Kedah: MB

Hassan Omar

ALOR STAR, Rabu - Datuk Zainol Md Isa yang dikenakan tindakan disiplin oleh Lembaga Disiplin Umno kerana terbabit dalam politik wang, masih kekal sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (Exco).

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata walaupun didapati menggunakan wang dalam pemilihan Umno Bahagian Baling, Zainol masih boleh terbabit dalam proses membuat keputusan mesyuarat Exco.

"Beliau masih boleh memegang jawatan Exco. Dalam kerajaan negeri, beliau tidak bersalah.

"Setakat ini, semua Exco menjalankan tugas dengan baik. Kita lihat berdasarkan keadaan semasa," katanya selepas mesyuarat Exco di sini, hari ini.

Beliau mengulas kedudukan Zainol yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan, digantung daripada memegang sebarang jawatan dalam parti selama enam tahun oleh Lembaga Disiplin Umno kerana terbabit dalam politik wang.

Sabtu lalu, lembaga itu mengumumkan enam pemimpin Umno, termasuk tiga ketua bahagian didapati bersalah kerana terbabit dalam politik wang pada pemilihan bahagian bulan lalu.

Ditanya sama ada keputusan itu menjejaskan imej kerajaan negeri, Syed Razak berkata:

"Keputusan Lembaga Disiplin tidak dianggap menjejaskan imej kerajaan kerana ia dilakukan dalam Umno dan tidak membabitkan Kerajaan Negeri."

Bagaimanapun, katanya, keputusan sama ada Zainol atau Exco lain dikekalkan semula sebagai Exco Julai ini akan ditentukan dari semasa ke semasa berdasarkan persembahan masing-masing.

Syed Razak berkata, Zainol juga tidak diminta mengambil cuti berikutan keputusan Lembaga Disiplin menggantungnya daripada bertanding atau dilantik sebarang jawatan dalam parti selama enam tahun dan hilang hak mengundi pada pemilihan parti pada semua peringkat sepanjang tempoh berkenaan.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, keputusan Lembaga Disiplin itu adalah muktamad tetapi Majlis Tertinggi (MT) Umno berhak mempertimbangkan rayuan mereka.

Dalam pemilihan Umno Bahagian Baling 28 April lalu, Zainol dipilih sebagai Ketua Bahagian selepas menewaskan penyandang, Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman dengan kelebihan 107 undi. Zainol mendapat 262 undi.

Ahad lalu, Zainol dilaporkan berkata, beliau menyerahkan kepada Syed Razak bagi menentukan kedudukannya sebagai Exco.

Beliau juga sudah menghantar surat rayuan berhubung hukuman itu pada 24 April lalu bagi menjelaskan dakwaan terhadapnya, selain menghantar dokumen tambahan sebagai sokongan rayuan kepada pejabat Setiausaha Agung Umno, Rabu lalu.

Zainol berkata, beliau didakwa menyalahgunakan kedudukannya sebagai Presiden Majlis Belia Negeri Kedah dan Pengerusi Belia 4B Kedah untuk kepentingan politik.

(END)